



KOPI PAHIT

Sudah lama diketahui bahawa kelepasan perayaan Mawlid Nabi di Singapura diberi pada 10 Julai 1965 tetapi tiba-tiba meletup “Hari Mengundi Hong Lim” diadakan hari itu. Adakah ini disenghajikan¹ untuk mencuit-cuit umat Islam?

* * *

Orang PETIR² tempatan sudah cukup marah kepada Utusan Melayu. Yang marah sangat nampaknya Mister Harry Lee Kuan Yew, Setiausaha Agong PETIR. Mereka menuduh bahawa dengan tulisan Jawi yang digunakan oleh Utusan – masyarakat Melayu “banyak tahu” apa yang ada dan menuduh Utusan menambah-nambah dan membesar-besarkan apa yang dikatakan mereka sehingga apabila Mister Harry Lee berjumpa Tun hari ini, Utusan dibawanya serta. Rasanya, kalau Harry Lee berkuasa tentu Utusan dikuburnya. Adakah ini suatu langkah cuba hendak menutup mulut orang Melayu?

* * *

Tuan Harry Lee Kuan Yew telah mengusik “tocang” Temenggung Jugah. Katanya, kalau Jugah hendak bersongkok sudah susah sebab tocang itu sebenarnya barangkali Tuan Harry Lee “dengki” kerana Jugah sudah mewarisi tocang datuk nenek Harry Lee. Adakah kemungkinan Harry Lee mahu bertocang lagi?

* * *

Alik Jauzi³ sudah tidak dikehendaki lagi

di negeri ini. Orang-orang berasa langkah ini sebenarnya sudah terlambat sebab banyak perkara-perkara yang dibuatnya yang merosakkan kedudukan Malaysia di mata luar. Tetapi walau bagaimana pun, patut disyukuri kerana langkah tegas ini! Orang hanya mengharap-harap langkah tegas dibuat ke atas orang-orang yang celopar mulutnya dilakukan dengan segera sebelum lebih berbahaya. Mematah yang berputik lebih mudah daripada sesudah menjadi pokok.

* * *

Jami‘yah bilang UMNO kasi pecah umat Islam Singapura dalam perayaan Mawlid tahun ini tetapi orang Jam‘iyah pula lupa bahawa UMNO hingga ikhtiar yang akhir masih meminta Jamiyah mengadakan perayaan Mawlid atas nama kaum Muslimin! Kalau gitukan nampak orang Jam‘iyah mahu tegaki benang basahannya – ya!

* * *

Datuk Syed Ibrahim al-Sagoff Yang Dipertua Jam‘iyah disanjung oleh seorang penulis sebagai “Nyawa Jam‘iyah”. Betul tetapi kalau nyawanya terus-menerus tercungap-cungap – “hidup segan mati tak mahu” – tentunya lebih baik tidak bernyawa – mampus terus lebih baik supaya diberi nyawa semula oleh orang lain.

* * *

Harry Lee bilang Albar di sini baharu 30 tahun sedang ia di sini sudah beratus-ratus tahun. Rupanya Lee marah kepada Albar lalu melupakan bahawa datuk nenek Albar sudah datang ke-mari lebih daripada delapan ratus tahun membawa Islam dan hidup sepergaulan dengan umat di-negeri ini – “hidup sekandang dan sebau” tidak seperti keturunan Lee “hidup mereka sentiasa sekandang tak sebau.”

Cemeti al-Faruok

¹ ‘Disengajakan’ dieja sebagai ‘disenghajakan’

² Parti Tindakan Rakyat, lebih dikenali sebagai People’s Action Party (PAP), sekarang.

³ Perkataan sebenar tidak dapat dikesan